

BUSPAN TABLET

Hyoscine butylbromide (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Buspan Tablet
2. Bagaimana Buspan Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Buspan Tablet
4. Cara menggunakan Buspan Tablet
5. Semasa menggunakan Buspan Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Buspan Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Buspan Tablet
Buspan Tablet digunakan untuk melegakan kekejangan perut dan usus. Ia juga digunakan untuk membantu melegakan kekejangan pada pundi hempedu dan buah pinggang.

Bagaimana Buspan Tablet berfungsi
Buspan mengandungi ubat yang mengandungi "Hyoscine-butylbromide" yang berfungsi dengan melegakan otot pada organ badan.

Sebelum menggunakan Buspan Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Buspan Tablet jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap hyoscine butylbromide atau bahan-bahan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Jika anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Buspan Tablet

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mempunyai masalah hati atau paru-paru
- mempunyai refluks asid
- mengalami masalah usus tersumbat yang tidak dapat berfungsi dengan baik
- mempunyai glaukoma (tekanan di dalam mata meningkat)

- mengalami pendarahan dengan keadaan hati yang tidak stabil
- mengalami tekanan darah tinggi atau tekanan darah tinggi semasa hamil
- alah kepada ubat yang serupa
- mengalami pengejalan kencing
- mempunyai tiroid yang terlalu aktif
- mengalami mulut kering
- mengalami fungsi buah pinggang atau hati terganggu
- sedang hamil, menyusu atau merancang untuk memulakan penyusuan badan.
- mempunyai ulser (luka) dalam saluran penghadaman atau pembesaran usus

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Buspan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba. Ini adalah kerana Buspan boleh mempengaruhi cara ubat-ubat lain berfungsi. Ubat-ubatan lain juga boleh mempengaruhi cara Buspan berfungsi.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- *Urine alkaliizer*: antasid, citrates, sodium bicarbonate
- Ubat untuk gangguan psikotik: *Haloperidol*
- Ubat untuk cirit-birit
- Ubat untuk loya dan muntah: *Metoclopramide*
- Antikulat: *Ketoconazole*
- Ubat penahan sakit opioid
- Ubat untuk keresahan: *Lorazepam*
- Ubat untuk lemah otot

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Buspan.

Cara menggunakan Buspan Tablet

- Berapa banyak harus digunakan
1 – 2 tablet

- Bila perlu digunakan

Ambil Buspan Tablet setiap 8 jam pada masa yang sama setiap hari. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa mengambil Buspan Tablet sama seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Sekiranya anda tidak pasti, semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) terambil terlalu banyak tablet pada masa yang sama, atau anda mengesyaki kanak-kanak mungkin tertelan ubat, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Tanda-tanda terlebih dos termasuk penglihatan kabur, cuai, kesukaran bernafas, pening, mengantuk, mulut, hidung atau tekak yang sangat kering, denyutan jantung sangat cepat, demam, khayalan, kelemahan otot, sawan, pertuturan yang tidak jelas, keterujaan yang luar biasa, kegelisahan atau mudah marah, kepanasan yang luar biasa, kekeringan dan kemerahan kulit.

Semasa menggunakan Buspan Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika simptom masih berterusan atau tidak reda selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan Buspan Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

BUSPAN TABLET

Hyoscine butylbromide (10mg)

- Jangan mengambil Buspan Tablet untuk merawat sebarang simptom yang lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.
- Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali diberitahu oleh ahli farmasi atau doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Buspan Tablet mengandungi laktosa. Jika anda telah diberitahu bahawa anda tidak bertoleransi kepada sesetengah gula, beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini.
- Buspan mungkin menyebabkan anda berasa mengantuk, jika terjejas jangan memandu atau mengendalikan jentera.
- Penggunaan ubat yang berpanjangan boleh mengurangkan atau menghalang aliran air liur, dan menyebabkan kerosakan gigi, penyakit gusi, jangkitan kulat, dan ketidakselesaan dalam mulut.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Buspan Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami mana-mana yang berikut yang membimbangkan anda:

- mulut kering dengan kesukaran menelan.
- tekanan pada mata meningkat
- kesukaran membuang air kecil
- sembelit
- alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal
- kekeliruan
- pening, rasa nak pengsan
- pengurangan aliran susu ibu
- pengurangan peluh
- penglihatan kabur
- mengantuk
- kekeringan hidung, tekak atau kulit
- khayalan
- sakit kepala
- hilang ingatan
- pembesaran anak mata
- mual atau muntah

- kesukaran untuk tidur
- keletihan atau kelemahan yang luar biasa

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Buspan Tablet

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang dilindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Jangan makan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bungkusan.

Sila pulangkan tablet yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan tablet jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air buangan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna putih dengan skor di sebelah dan H11 timbul di sebelah lagi dengan skor.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Hyoscine butylbromide

- Bahan tidak aktif

Sodium benzoate, magnesium stearate, corn starch, explotab (sodium strach glycolate), lactose

- Nombor MAL:

MAL19900043ACZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
30/11/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)301122/00109